

Manual Perancangan Pengurusan Produksi

Luar Negara Ke Malaysia

1. PENGENALAN

- 1.1 Manual perancangan produksi luar negara ini dihasilkan untuk memudahkan pengurusan produksi luar negara yang mahu menjalankan penggambaran di Malaysia.
- 1.2 Selain itu, manual ini adalah suatu kompilasi yang memuatkan semua dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan menjalankan penggambaran.
- 1.3 Penggunaan manual ini dapat mengurangkan kesilapan yang dilakukan oleh pemohon seterusnya mengurangkan statistik permohonan yang ditolak kerana tidak memenuhi syarat.

2. TUJUAN

- 2.1 Menjelaskan dasar Kerajaan Malaysia mengenai tatacara permohonan bagi penggambaran filem dan juga kemasukkan Artis Luar Negara (ALN).
- 2.2 Menerangkan tatacara yang terperinci bagi pengambilan ALN mengikut kategori.
- 2.3 Menetapkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi bagi tujuan mendapatkan kelulusan penggambaran filem dan juga persembahan ALN.

BAB SATU

PENGENALAN

Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai keseluruhan kajian dan dipecahkan dengan lima bab yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti prosedur yang perlu dibuat bagi pihak produksi dari luar negara yang mahu menjalankan sebarang penerbitan atau persembahan di Malaysia seterusnya mendokumentasikan suatu manual perancangan yang dapat memudahkan pihak produksi dari luar negara. Seperti yang diketahui umum, Malaysia adalah suatu lokasi sangat strategik dengan kemudahan yang lengkap untuk menjalankan penggambaran. Tambahan lagi, dengan kewujudan studio Pinewood di Iskandar Malaysia yang mempunyai fasiliti yang sangat moden untuk menghasilkan filem.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, manual membawa maksud suatu buku yang mengandungi garis panduan dan maklumat untuk melaksanakan dan melicinkan sesuatu aktiviti. Buku panduan ini kebanyakannya dibuat dan diterbitkan sendiri oleh sesuatu jabatan atau agensi yang menyediakan sesuatu perkhidmatan sama ada sektor swasta atau kerajaan. Namun terdapat juga organisasi yang tidak menyediakan buku panduan. Manual perancangan adalah penting bagi sesebuah organisasi supaya individu yang hendak berurusan dengan organisasi tersebut tidak akan tertanya-tanya akan prosedur yang perlu mereka ikut untuk menyelesaikan urusan mereka.

Menurut Kamus Pelajar Edisi Keempat, perancangan pula membawa maksud perbuatan atau tindakan dalam mengadakan sesuatu acara. Menurut Azman Che Omar (2014), perancangan adalah suatu titik penanda yang akan menjadi rujukan semula pengurus bagi membuat keputusan atau pilihan yang lebih tepat untuk melicinkan

pengurusan. Melalui perancangan juga sesebuah organisasi dapat mengoptimumkan sumber dan juga mengelakkan pembaziran. Manakala manual perancangan pula berdefinisi suatu bahan bercetak yang mengandungi pelan perancangan dan garis panduan yang perlu diikut oleh pihak luar yang mahu menjalankan penerbitan di Malaysia.

Manual perancangan adalah satu kompilasi bahan bertulis yang menjelaskan mengenai tatacara dan juga tatatertib yang patut dipatuhi oleh syarikat produksi yang datang berurus untuk membuat penggambaran di Malaysia. Manual ini bertujuan untuk memudahkan pihak luar yang mahu berurus dengan organisasi penerbitan di Malaysia. Dengan adanya manual perancangan pengurusan produksi, pihak dari syarikat produksi dapat memahami terlebih dahulu mengenai prosedur yang harus diikuti dan juga dokumen-dokumen yang diperlukan oleh jabatan atau agensi tersebut sebelum membuat permohonan. Selain itu, manual perancangan juga mempunyai senarai semak yang akan dapat mengelakkan pengurus produksi daripada tercicir proses membuat permohonan. Manual ini juga memuatkan borang-borang yang diperlukan oleh pengurusan produksi yang membuat permohonan. Selain itu, dalam manual tersebut turut disertakan dengan maklumat bayaran yang perlu dibayar oleh syarikat produksi. Informasi penting yang dimuatkan dalam manual perancangan ini dapat membantu pengurus produksi untuk menjimatkan masa berulang alik dan juga kos pengangkutan untuk pengurusan produksi.

Manakala pengurusan produksi pula membawa maksud proses menguruskan sesebuah produksi dari bermula produksi tersebut sehingga habis penggambaran (Zulrashid Zulkifli, 2014). Proses pengurusan produksi adalah merangkumi perancangan yang teliti demi pelaksanaan pelan-pelan produksi. Selain itu, ia juga

melibatkan pengurusan hal kewangan sesebuah produksi, lantikan tenaga kerja bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat untuk menetapkan lokasi dan sebagainya.

Kajian ini dijalankan dari perspektif isu-isu semasa yang menjadi cabaran masa hadapan dalam pengurusan industri kreatif yang semakin membangun di Malaysia. Secara tidak langsung, ia dapat menunjukkan bahawa pengurusan semua organisasi yang terlibat dalam penerbitan filem adalah cekap dan mudah. Tambahan lagi, jika prosedur yang lengkap dan teratur, pihak produksi luar akan lebih tertarik untuk mengadakan lagi penggambaran di negara ini.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti permasalahan yang wujud dalam pengurusan produksi yang mahu menjalankan penggambaran di Malaysia. Terdapat sebuah jawatankuasa agensi pusat telah ditubuhkan pada tahun 2001 untuk menguruskan dan menyelaraskan permohonan yang dibuat oleh pihak produksi yang mahu mengadakan penggambaran di Malaysia. Jawatankuasa ini diuruskan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Segala permohonan yang dibuat oleh pihak produksi luar negara akan ditimbangkan dan diproses oleh agensi tersebut. Agensi ini dinamakan Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL). PUSPAL telah menetapkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak produksi untuk mendapatkan sokongan bagi menjalankan penggambaran. PUSPAL terdiri daripada beberapa gabungan agensi kerajaan yang terlibat dalam mempertimbangkan dan menguruskan permohonan penggambaran filem.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendokumentasikan sebuah manual perancangan produksi luar negara. Metodologi yang digunakan adalah untuk mengkaji kaedah yang efektif dalam menguruskan permohonan menjalankan

penggambaran seterusnya menghasilkan sebuah manual yang telah dikemaskini bagi memudahkan pengguna untuk berurusan dengan agensi PUSPAL dan juga Jabatan Imigresen Malaysia. Metodologi yang dirancang ini akan digunakan juga untuk mengesan kelemahan garis panduan yang sedia ada dalam usaha penghasilan manual perancangan produksi luar negara di Malaysia.

Penyataan Masalah

Terdapat beberapa permasalahan yang yang dikaji oleh penulis. Antaranya adalah pihak produksi perlu pergi ke dua organisasi berkanun demi mendapatkan borang-borang dan juga bertanya mengenai prosedur yang perlu dipatuhi. Kajian ini adalah untuk mengurangkan tempoh berulang-alik dan juga tempoh kelulusan permohonan dan juga memberi penerangan dan cara mengisi borang dengan lengkap di dalam manual ini. faktor kos yang perlu ditanggung adalah suatu faktor yang perlu dipertimbangkan oleh kedua-dua pihak bagi menjaga reputasi agensi dan juga syarikat. Tambahan lagi, bagi produksi yang tidak pernah menjalankan penggambaran di luar negara, mereka akan mengalami masalah untuk menguruskan kemasukan para pelakon dan juga krew-krew yang lain tanpa garis panduan yang lengkap dari organisasi yang terlibat dengan penerbitan filem seperti FINAS dan sebagainya.

Selain itu, bayaran yang dikenakan kepada pihak syarikat produksi juga perlu dinyatakan dengan teliti di dalam manual perancangan agar syarikat produksi dapat mengatur perbelanjaan tanpa mengalami sebarang masalah. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, industri kreatif ini amat penting bagi mempromosikan negara Malaysia di mata dunia. Oleh itu, dengan manual perancangan yang mempunyai maklumat yang terperinci akan lebih memudahkan dan menarik para penghasil filem dari luar negara untuk menjalankan penggambaran di Malaysia